BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

| TARIKH | 22 / 11 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
|---|---|---|---|
| MUKA SURAT | L - V16 | RUANGAN | SUPPLEMENT |

# Kejohanan futsal tawar **hadiah RM12,000**

**Bangi:** Kelab TaHa dan TaHa@U di bawah Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH akan menganjurkan Kejohanan Futsal Antara Sekolah Menengah dan Antara Universiti dengan menawarkan hadiah lumayan keseluruhan berjumlah RM12,000.

Kejohanan yang bermula jam 8 pagi hingga 6 petang itu akan dianjurkan di Galaxy Futsal, Bangi pada 24 serta 25 November ini dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia terdiri daripada Kelab TaHa atau TaHa@U.

Yuran pertandingan bagi setiap pasukan ialah RM80 bagi peringkat universiti/kolej dan RM50 bagi sekolah menengah. Setiap peserta akan menerima kemeja-T dan sijil penyertaan. Untuk maklumat lanjut sila hubungi talian 03-2056 9580.